

Orang Islam haram makan uri bayi

» Trend baharu masyarakat Barat tidak perlu ditiru

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Haram bagi orang Islam makan uri bayi yang kini menjadi trend baharu dalam kalangan ibu di Amerika Syarikat (AS) yang dipercayai memberi tenaga tambahan dan awet muda.

Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, berkata uri bayi atau plasenta termasuk dalam kategori bahan yang haram dimakan oleh orang Islam.

Organ haram

Katanya, kebanyakan ulama berpandangan plasenta termasuk dalam kategori organ manusia yang haram dimakan, selain ada juga yang berpendapat uri bayi dikategorikan sebagai najis.

“Antara pandangan ulama yang menjelaskan jika sesuatu bahan itu keluar daripada tubuh manusia dan tidak mempunyai faedah, ia dikategorikan sebagai najis, apatah lagi ia



“*Jika ada bahan lain yang lebih baik daripada plasenta untuk dijadikan produk kesihatan walaupun terbukti ia bermanfaat, lebih baik untuk memilih bahan berkenaan*”

Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim,
Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM

keluar daripada kemaluan wanita.

“Pandangan lain yang mengharamkan plasenta sebagai bahan yang boleh dimakan ialah ia organ manusia. Hanya dalam keadaan darurat yang membenarkan sesuatu organ itu boleh dimakan,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.



“*Perkara yang haram dan halal dimakan sudah jelas, tidak perlulah kita mudah terpengaruh dengan segala perkara yang dilakukan oleh masyarakat Barat yang suka mencuba perkara baharu dan pelik*”

Harussani Zakaria,
Mufti Perak

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai trend baharu di AS yang menjadikan uri bayi yang baru dilahirkan sebagai produk kesihatan yang dimakan selepas dijadikan pil, dimasak seperti makanan lain atau secara mentah.

Plasenta bukanlah produk kesihatan baharu apabila pla-

INFO

Plasenta

⊙ Organ yang dibentuk bersama janin dalam rahim wanita.

⊙ Bertindak mengambil nutrien dan oksigen daripada darah ibu kepada bayi.

⊙ Bahan kumuh bayi seperti karbon dioksida dihantar ke plasenta melalui tali pusat.

⊙ Plasenta atau uri akan keluar bersama bayi yang dilahirkan.

⊙ Dikira sebagai organ yang mati dan hukumnya najis.

sentia haiwan seperti kambing kini popular dalam kalangan masyarakat dunia, termasuk Malaysia.

Mohd Izhar Ariff berkata, hingga kini belum ada kajian oleh pakar beragama Islam dalam bidang berkaitan yang membuktikan uri bayi memiliki manfaat yang besar apabila dimakan.

“Jika ada bahan lain yang lebih baik daripada plasenta untuk dijadikan produk kesihatan walaupun terbukti ia bermanfaat, lebih baik untuk memilih bahan berkenaan,” katanya.

Sementara itu, Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria, berkata Islam secara jelas mengharamkan umatnya menjadikan organ manusia sebagai bahan makanan.

“Perkara yang haram dan halal dimakan sudah jelas, tidak perlulah kita mudah terpengaruh dengan segala perkara yang dilakukan oleh masyarakat Barat yang suka mencuba perkara baharu dan pelik,” katanya.